

MAHATHIR - MUSABAQAH

1983

KUALA LUMPUR, 24 MEI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMMAD BERKATA BAHAWA MUSABAQAH MEMBACA AL QURAN TELAH DAPAT MELETAKKAN ASAS-ASAS YANG KUKUH UNTUK PERKEMBANGAN SYIAR ISLAM DI SELURUH NEGARA.

+ITULAH SEBABNYA DALAM USAHA-USAHA KITA MENGEMBANGKAN SYIAR ISLAM SALAH SATU PERKARA YANG PERLU DIBERI KEUTAMAAN IALAH UNTUK MEMUPUK NILAI ISLAM YANG MULIA SUPAYA AKHLAK DAN BUDI PEKERTI YANG TINGGI UMAT ISLAM AKAN MENARIK MINAT DAN MENJADI CONTOH TELADAN YANG DAPAT DIIKUTI OLEH ORANG LAIN,+ KATANYA DALAM KATA-KATA ALUAN DI BUKU CENDERMATA KHAS MENYAMBUT SUKU ABAD MUSABAQAH MEMBACA AL QURAN SABTU INI.

MUSABAQAH MEMBACA AL QURAN SEMPENA SUKAN ABAD DIADAKAN SELAMA EMPAT HARI DI KUALA TERENGGANU.

SERAMAI 29 ORANG QARI DAN QARIAH TERMASUK JOHAN QARI MENUNGGU TAHUN LALU AKAN MENYERTAINYA.

SERAMAI 12 ORANG LAGI AKAN MENYERTAI MUSABAQAH MENGHAFAZ AL QURAN TERMASUK JOHAN MENUNGGU TAHUN LALU. -- LAGI 1314/MK
NNNN

ZCZC B553

MAHATHIR - MUSABAQAH 2 KUALA LUMPUR

MEREKA YANG MENYERTAI MUSABAQAH MEMBACA AL QURAN TELAH DITENTUKAN BERUSIA 18 TAHUN KEATAS SEMENTARA UNTUK MUSABAQAH MENGHAFAZ AL QURAN BERUSIA 15 TAHUN KEATAS.

MUSABAQAH ITU AKAN DIRASMIKAN OLEH DATUK SRI DR. MAHATHIR SEMENTARA SULTAN TRENGGANU AKAN MENUTUPNYA DAN MENYAMPAIKAN HADIAH KEPADA PESERTA-PESERTA DAN PEMENANG-PEMENANG.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN BETAPA UMAT ISLAM HARUS MEMENTINGKAN AKHLAK DAN BUDI PEKERTI YANG TINGGI DI KALANGAN UMATNYA. MENURUTNYA, AKHLAK DAN BUDI YANG TINGGI MENJADI SALAH SATU ASAS KEPERIBADIAN ISLAM YANG SENTIASA MENJADI PERHATIAN ANGGOTA-ANGGOTA MASYARAKAT ISLAM DAN MASYARAKAT LAIN.

+JIKA AKHLAK DAN BUDI PEKERTI ANGGOTA UMAT ISLAM TIDAK SELARAS DENGAN APA YANG DIANJURKAN OLEH ISLAM, GAMBARAN YANG DIPEROLEHI OLEH ORANG LUAR TERHADAP ISLAM TENTULAH BUKAN GAMBARAN PERIBADI ISLAM SEJATI.

+KEADAAN SEPERTI INI BUKANLAH KERANA KELEMAHAN ISLAM, SEBALIKNYA OLEH SEBAB KELEMAHAN ANGGOTA UMAT ISLAM SENDIRI,+ TAMBAHNYA. --
LAGI 1319/MK

MAHATHIR-MUSABAQAH 3 KUALA LUMPUR.

DATUK SRI DR MAHATHIR MENYERU UMAT ISLAM SUPAYA BERSYUKUR KEPADA ALLAH SEMPENA SUKU ABAD MUSABAQAH MEMBACA AL QURAN KEBANGSAAN.

KATANYA SETIAP TAHUN MUSABAQAH MEMBACA AL QURAN DIADAKAN, BERBAGAI-BAGAI TEMA YANG MENEKANKAN PERINSIP-PERINSIP ISLAM DAN MEMANDU MEREKA DALAM KEHIDUPAN TELAH DIKETENGAHKAN.

PERINSIP-PERINSIP ITU MERUPAKAN TERAS KEPERIBADIAN ISLAM YANG BOLEH MEMBAWA KEMAJUAN DAN KEBAHAGIAN KEPADA UMATNYA, JELAS BELIAU.

DATUK SRI DR MAHATHIR BERHARAP AGAR UMAT ISLAM MERENUNG DENGAN INSAF KEADAANYA DI DALAM DUNIA PENUH CABARAN DAN BERUSAHA MENGAMALKAN PERINSIP-PERINSIP SEJATI ISLAM DALAM Mencari KEBAHAGIAN DUNIA DAN AKHIRAT.

SEMENTARA ITU Pengerusi Jawatankuasa Pusat Musabaqah Membaca Al Quran, Datuk Seri Haji Kamaruddin Mohammad Isa berkata bahawa Musabaqah Membaca Al Quran telah dapat menanamkan perasaan cinta dan kesedaran umat Islam sebanyak sedikit kepada Al Quran.

DATUK SRI KAMARUDDIN MENYERU UMAT ISLAM DI NEGERA INI SUPAYA AMA-SAMA MENGHAYATI KANDUNGAN AL QURAN SEBAGAI SATU CARA HIUDP YANG SEJATI AGAR TIDAK MENYIMPANG DARI JALAN ALLAH.

--BERNAMA. 1320/WS

.....